



PERUSAHAAN BUNGA TULIP

Disediakan Untuk :

ENCIK NOORDIN BIN ALI
Pensyarah ETR 300
Institut Teknologi MARA
ITM Cawangan Perlis

Disediakan Oleh :

IRDA RINA BT KAMARUL BAHRAIN
ZERAFINA BT SHAHBUDIN
NORMAYANTI BT OMAR
SHAFIZA BT ISMAIL
JAMILAH BT OMAR

2 SEPTEMBER 1998

ISI KANDUNGAN

Tajuk	Muka surat
Mukaddimah.	i
Surat Penyerahan Rancangan Perniagaan	ii
Penghargaan	iii
Tujuan Rancangan Perniagaan	v
Logo Syarikat dan Keteranganannya	vi
Latar Belakang Perniagaan	1
Latar Belakang Ahli Kongsi	4
RANCANGAN PENTADBIRAN	9
RANCANGAN PEMASARAN	20
RANCANGAN OPERASI	34
RANCANGAN KEWANGAN	52
Rumusan	77
Lampiran	78

LATAR BELAKANG PERNIAGAAN

Perniagaan yang kami jalankan adalah sebuah perniagaan menanam, membekal dan menjual bunga tulip dan bunga hyacinths. Kami memilih perniagaan ini kerana ia merupakan bidang baru dalam perniagaan bunga yang baru diterokai dan belum dikomersialkan.

Lokasi tapak projek.

Syarikat kami telah memilih bandar Taiping sebagai tapak lokasi projek. Ini kerana faktor suhu dan iklimnya sesuai dengan produk kami. Lokasi kami terbahagi kepada dua iaitu; di kawasan Bukit Larut dan juga di Kamunting.

Lokasinya :-

Pejabat : No. 3 Lot 988, Jalan Kamunting, 34600 Kamunting, Taiping, Perak.

Tapak semaian : Kaki Bukit Larut. (Rumah sejukbeku)

Tapak tanaman : Gunung Hijau Bukit Larut.

Keadaan fizikal :

1. Tapak tanaman : suhunya pada waktu siang adalah dalam lingkungan 15°C hingga 10°C . Manakala pada malamnya pula suhunya menurun kepada 5°C hingga 10°C . Ianya terletak di 1113m dari paras laut.

2. Tapak semaian : tapak semaian adalah berupa sebuah bilik sejukbeku yang mempunyai keluasan 40 kaki x 15 kaki pada suhu di bawah 0.5°C .

3. Pejabat : pejabat kami adalah dari kategori kedai pejabat dengan keluasan 70 kaki x 32 kaki.

Kemudahan asas

1. Kawasan tapak semaian dan tanaman.

Antara kemudahan asas yang terdapat ialah bekalan air, bekalan elektrik dan talian telefon. Terdapat juga jalan raya yang menghubungkan dari kaki bukit hingga ke Bukit Larut tetapi kenderaan yang dapat digunakan hanyalah jip.

2. Kawasan pejabat.

Kemudahan asas yang terdapat di sekitar kawasan pejabat ialah bekalan air, elektrik, talian telefon dan juga jalan raya.

BUTIRAN PERNIAGAAN

Nama perniagaan	: Tulip Larut Sdn. Bhd.
Alamat perniagaan	: No.3 Lot 988, Jalan Kamunting, 34600 Kamunting, Perak
Alamat surat menyurat	: Sama seperti di atas.
Nombor telefon	: Dalam proses.
Bentuk perniagaan	: Sendirian Berhad.
Tarikh penubuhan	: 1 Januari 2000.
Tarikh pendaftaran perniagaan	: Dalam proses.
Nombor pendaftaran perniagaan	: Dalam proses.
Nama bank	: Bank Pertanian Malaysia.
No. Akaun Bank	: Dalam proses.